

**IKLIM SEKOLAH DI SEKOLAH-SEKOLAH
MENENGAH DAERAH GABUNGAN
KOTA BELUD DAN KAITANNYA
DENGAN PRESTASI
KERJA GURU.**

MUHAMMAD RUSDI BIN AB MAJID



PERKUSIAKAM
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL**

2006

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)_____
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satu telah saya nyatakan sumbernya.

MUHAMMAD RUSDI BIN AB MAJID
PS2003-006(K)-015
16 JANUARI 2006



UMS
PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DEDIKASI

Buat isteri tersayang Norhafiza Mustafa dan anak-anakku Dina dan Widad yang banyak bersabar dan sentiasa memberi dorongan dan semangat kepadaku. Juga tidak lupa kepada bonda tercinta serta keluarga tersayang mudah-mudahan ilmu yang diperolehi ini diberkati oleh Allah s.w.t.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan perkenanNya, disertasi ini dapat disiapkan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan kursus bagi memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia saya iaitu Encik Khalid Johari, juga Dr.Sabariah Shariff serta Prof.Madya Dr.Salleh Abd Rashid yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang penulisan disertasi dijalankan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diberikan kepada semua pensyarah Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial yang telah memberi tunjuk ajar sepanjang saya mengikuti kursus ini.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih di atas bantuan pegawai-pegawai di Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) dan Jabatan Pelajaran Negeri Sabah yang memberi kepercayaan dan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian. Akhir sekali, kepada isteri dan anak-anak tercinta yang sentiasa mengharapkan kejayaan, semoga semangat dan sokongan yang diberikan akan menambahkah semangat baba untuk terus memburu ilmu.




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

IKLIM SEKOLAH DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAERAH GABUNGAN KOTA BELUD DAN KAITANNYA DENGAN PRESTASI KERJA GURU

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap komponen iklim sekolah dan kaitannya dengan prestasi kerja guru di daerah Gabungan Kota Belud, Sabah. Terdapat empat komponen iklim sekolah yang dikenal pasti dalam kajian ini iaitu, komponen sosial, budaya ilmu pengetahuan, komunikasi dan fizikal. Seramai 148 orang responden telah dipilih untuk menjawab soal selidik yang telah dibina untuk kajian ini. Analisis data kajian menggunakan keadah min, peratusan, kekerapan, dan Korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tahap iklim sekolah yang berbeza di setiap daerah di dalam Daerah Gabungan Kota Belud, Sabah iaitu iklim sekolah terbuka dan sederhana. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat iklim sekolah tertutup bagi keempat-empat komponen iklim sekolah tersebut. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara komponen iklim sekolah, iaitu komponen sosial, budaya ilmu pengetahuan, komunikasi dan fizikal dengan prestasi kerja guru. Walau bagaimanapun terdapat hubungan yang signifikan antara komponen-komponen iklim sekolah dalam kajian yang dilakukan di sekolah-sekolah menengah di Daerah Gabungan Kota Belud, Sabah.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT***SCHOOL CLIMATE AND ITS EFFECTS ON TEACHERS' WORK PERFORMANCE AMONG SECONDARY SCHOOLS IN KOTA BELUD COMBINED DISTRICT, SABAH.***

This study aims to identify school climate component index and it's effects on teachers' work performance in Kota Belud combined district, Sabah. There are four identifiable school climates in this study – social, knowledge culture, communicative and physical. A total of 148 respondents were selected to participate in the study. Data analysis used in this study is min, percentage, frequencies, Pearson Correlation. Finding have shown that there are differing school climate in the District – open and moderate. No closed school climate was found. This study also finds that there are no significant correlation between school climate components namely social, knowledge culture, communicative and physical and teachers' work performance. However, there is a significant correlation between component of school climate in the study done in secondary school in Kota Belud combined district, Sabah.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

KPPK	=	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
RMK-8	=	Rancangan Malaysia ke Lapan
JPN	=	Jabatan Pelajaran Negeri
OCDQ	=	<i>Organization Climate Discription Questionnaire</i>
OHI	=	<i>Organizational Health Inventory</i>
SPSS	=	<i>Statistical Package For The Social Science</i>
KBSM	=	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
PPD	=	Pejabat Pelajaran Daerah
PPG	=	Pejabat Pelajaran Gabungan
KPM	=	Kementerian Pelajaran Malaysia
BPG	=	Bahagian Pendidikan Guru
BPPDP	=	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
%	=	Peratus
p	=	Aras Signifikan
r	=	Pekali Korelasi

KANDUNGAN

Pengakuan	ii
Dedikasi	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	v
Abstract	vi
Senarai Singkatan	vii
Kandungan	viii
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xii
Senarai Lampiran	xiii

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Latarbelakang Kajian	1
	1.2 Penyataan Masalah	6
	1.3 Objektif Kajian	10
	1.4 Persoalan Kajian	11
	1.5 Hipotesis Kajian	12
	1.6 Definisi Operasional	12
	1.6.1 Iklim Sekolah	12
	1.6.2 Prestasi Kerja	13
	1.6.3 Daerah Gabungan Kota Belud	13
	1.7 Batasan Kajian	14
	1.8 Kepentingan Kajian	15
2	SOROTAN LITERATUR	
	2.1 Pengenalan	18
	2.2 Teori Yang di Gunakan dalam Kajian	18
	2.2.1 Model Interaksi Sosial Getzel dan Guba (1957)	19
	2.2.2 Teori Motivasi Keperluan (Abraham Maslow 1954)	24
	2.3 Sorotan Literatur	28
	2.3.1 Sorotan Mengenai Konsep Iklim sekolah	28
	2.3.2 Sorotan Komponen Sosial Iklim Sekolah Dengan Prestasi Kerja Guru	36
	2.3.3 Sorotan Komponen Budaya Ilmu Pengetahuan Iklim Sekolah Dengan Prestasi Kerja Guru	37
	2.3.4 Sorotan Komponen Komunikasi Iklim Sekolah Dengan Prestasi Kerja Guru	39
	2.3.5 Sorotan Komponen Fizikal Iklim Sekolah Dengan Prestasi Kerja Guru	40
	2.4 Kerangka Konseptual Kajian	42
	2.5 Kesimpulan	44

3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	45
3.2	Reka Bentuk Kajian	45
3.3	Lokasi Kajian	46
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	46
3.5	Item Kajian	47
3.6	Pembolehubah Kajian	51
3.7	Tatacara Mengumpul Data	52
3.8	Tatacara Menganalisis Data	52
3.9	Penutup	54
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	55
4.2	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Melalui kajian Rintis	55
4.3	Latar Belakang Responden	56
4.4	Tahap Komponen Iklim sekolah	58
4.5	Keputusan Kajian	59
4.5.1	Analisis Dapatan Kajian Berdasarkan Tahap komponen Iklim sekolah	59
4.5.2	Perbandingan Komponen Sosial Iklim Sekolah	60
4.5.3	Perbandingan Komponen Budaya Ilmu Pengetahuan Iklim Sekolah	62
4.5.4	Perbandingan Komponen Komunikasi Iklim Sekolah	65
4.5.5	Perbandingan Komponen Fizikal Iklim Sekolah	66
4.5.6	Perbandingan Keseluruhan Komponen Iklim Sekolah	69
4.5.7	Analisis Hubungan Antara Komponen Iklim Sekolah Dengan Prestasi Kerja Guru	70
4.6	Rumusan Keputusan Analisis Hipotesis Kajian	73
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	74
5.2	Rumusan Kajian	74
5.3	Dapatan Dan Perbincangan	77
5.4	Cadangan Kepada Pihak Pengurusan Sekolah	82
5.5	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	83
5.6	Penutup	84
	BIBLIOGRAFI	85
	LAMPIRAN	92

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Tingkat Hirarki Maslow	27
2.2	Perkaitan Antara Tingkat Hirarki Maslow Dengan Tugas Dan Persekitaran Kerja	27
2.3	Dimensi Iklim Sekolah Kajian	44
3.1	Pembahagian Item Soal Selidik	48
3.2	Pemarkahan Item Berdasarkan Skala Likert 1 – 5	49
4.1	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Daerah	56
4.2	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Jantina	56
4.3	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Bangsa	57
4.4	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Kategori Perkhidmatan	57
4.5	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	58
4.6	Min skor bagi tahap iklim sekolah	58
4.7	Analisis dapatan kajian berdasarkan komponen sosial, budaya ilmu pengetahuan, komunikasi dan fizikal iklim sekolah	59
4.8	Perbandingan Komponen Sosial Iklim Sekolah	61
4.9	Komponen Sosial Iklim Sekolah Mengikut Min Responden	62
4.10	Analisis dapatan kajian berdasarkan item bagi komponen ilmu pengetahuan iklim sekolah	63
4.11	Komponen Budaya Ilmu Pengetahuan Iklim Sekolah Mengikut Min Responden	64
4.12	Analisis dapatan kajian berdasarkan item bagi komponen komunikasi iklim sekolah	65

4.13	Komponen Komunikasi Iklim Sekolah Mengikut Min Responden	66
4.14	Analisis dapatan kajian berdasarkan item bagi komponen fizikal iklim sekolah	67
4.15	Komponen Fizikal Iklim Sekolah Mengikut Min Responden	68
4.16	Tahap Komponen Iklim Sekolah Daerah Gabungan Kota Belud	69
4.17	Perbandingan Keseluruhan Komponen Iklim Sekolah di Daerah Gabungan Kota Belud	69
4.18	Perhubungan antara Komponen Iklim Sekolah Dengan Prestasi Kerja	71
4.19	Rumusan Keputusan Analisis Persoalan dan Hipotesis Kajian	73



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Model Interaksi Sosial Getzels dan Guba (1957) Mengikut Teori Sistem.	21
2.2	Tata Tingkat Teori Motivasi Keperluan (Abraham Maslow 1954)	25
2.3	Kerangka Konseptual Hubungan Iklim Dengan Prestasi Kerja	43
3.1	Hubungan Antara Pembolehubah Bebas dan Bersandar	52



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	92
B	Keboleh percayaan Instrumen Melalui Kajian Rintis	98
C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari KPM	99
D	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari JPN	100



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Latarbelakang Kajian.

Selaras dengan matlamat untuk mencapai Wawasan 2020, kerajaan telah menetapkan matlamat menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Serantau dengan memberi penekanan kepada sistem pendidikan negara. Penekanan ini harus bermula dari peringkat akar umbi, iaitu bermula dari peringkat sekolah. Pada masa yang sama agenda penting ini menjadi tanggungjawab pengetua (sekolah menengah) atau guru besar (sekolah rendah) yang menjadi pemimpin dan pengurus di sekolah. Tanggungjawab ini menjadi faktor utama bukan sahaja dalam menentukan kejayaan sebuah sekolah, malahan dengan kepemimpinan dan pengurusannya, serta visi dan misinya, pengetua atau guru besar boleh menentukan hala tuju institusi yang diamanahkan kepadanya.

Perkembangan mutakhir sistem pendidikan di Malaysia kini menuntut kebijaksanaan pendokongnya untuk merealisasikan wawasan pendidikan negara dan citra Wawasan 2020. Visi Kementerian Pelajaran Malaysia adalah untuk menzahirkan sistem pendidikan berkualiti dunia dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu. Justeru itu, bagi menyahut cabaran tersebut, iklim sekolah yang baik adalah merupakan satu alternatif terbaik yang boleh diambil. Usaha ini bukanlah suatu perkara yang mustahil bahkan iklim sekolah yang baik ini boleh dicapai dan direalisasikan sebagai satu komponen dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Ciri-ciri iklim sekolah yang berjaya adalah seperti mempunyai kepimpinan pengetua yang dinamis dan berkesan, pengurusan kurikulum yang tersusun, pemantauan ataupun penyeliaan yang baik dan lain-lain lagi. Ini merupakan antara elemen-elemen yang perlu ada bagi sesebuah sekolah yang mempunyai iklim pengurusan yang dianggap sebagai berjaya. (Mohd. Salleh Lebar, 1998)

Di samping itu, guru juga perlu komited, bersungguh-sungguh, bertanggungjawab dan mempunyai pandangan jauh terhadap tugasnya. Ini diinterpretasikan berdasarkan kehendak bahawa pada tahun 2020 tenaga kerja yang diharapkan muncul adalah dari golongan yang berdisiplin, produktif, pakar dan mampu serta mahir dalam menghadapi cabaran-cabaran masa depan. Menurut Robiah Sidin (1994), guru-guru harus mendahului contoh kerja yang produktif dalam kerjaya masing-masing. Sehubungan dengan itu sewaktu melancarkan Budaya Kerja Cemerlang pada tahun 1989, YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad telah menegaskan bahawa setiap orang mesti menjadikan matlamat untuk mencapai tahap yang setinggi-tingginya atau tahap kecemerlangan dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. (Wan Mohd. Zahid bin Mohd Noordin, 1993)

Sementara itu Tan Sri Datuk Dr. Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin (1996), Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, dalam kertas kerja beliau yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Abad ke 21 mengatakan, usaha untuk mencapai tahap negara dinamik dan progresif berasaskan kemampuan dalam sains dan teknologi memerlukan satu kumpulan kritikal sumber manusia yang lengkap dan mampu untuk berubah dan melakukan penyesuaian kepada keadaan pasaran yang sentiasa berubah mengikut kehendak industri yang dinamik. Kunci kepada produktiviti dan daya saing terletak kepada kemampuan tenaga kerja menggerakkan pengetahuan

dalam sains dan teknologi serta kemampuan kepimpinan pengurusan untuk menggerakkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan terlatih kepada tahap yang maksimum.

Semua cabaran ini memerlukan kesungguhan yang tinggi daripada setiap pengurus sistem pendidikan untuk menentukan pengeluaran tenaga manusia terlatih yang secukupnya. Pada masa yang sama juga masyarakat mengharapkan guru-guru yang bertanggungjawab, mempunyai tingkahlaku yang baik, rajin, bermoral tinggi serta menumpukan sepenuh masa dan tenaga kepada tugas di sekolah. Oleh itu profesion perguruan tidaklah boleh dilakukan secara sambil lewa. Ia memerlukan penglibatan yang penuh dan menyeluruh bukan sahaja terhadap murid, tetapi juga pada sekolah dan masyarakat. Guru-guru juga perlu mempunyai sikap dedikasi terhadap profesionnya dan tidak menjalankan tugas secara rutin sahaja (Tajul Arifin, 1993).

Walaupun tugas dan tanggungjawab guru semakin bertambah, dapatan-dapatan daripada kajian menunjukkan iklim sekolah yang positif akan mewujudkan sikap positif terhadap kerja dan seterusnya meningkatkan prestasi kerja. Guru-guru dikatakan akan menjalankan tugas dengan lebih berkesan dalam keadaan iklim sekolah yang lebih terbuka, di mana pendapat dan perasaan boleh dikeluarkan dengan bebas serta diberi pertimbangan yang sewajarnya. Safian, (1996) telah memetik pendapat Phi Delta dan Kappa (1975) tentang iklim sekolah yang terbuka yang dikatakan mengandungi lapan faktor iaitu hormat-menghormati, percaya, morel yang tinggi, peluang untuk memberi pendapat, kesinambungan akademik, perkembangan sosial dan sifat ambil tahu. Berdasarkan laporan Kesatuan Perkhidmatan Keguruan Kebangsaan (2001), sekolah yang mempunyai iklim yang sihat lazimnya mempunyai ciri-ciri yang

berdasarkan aspek-aspek sosial, pentadbiran dan pengurusan, fizikal, budaya ilmu dan bahasa.

Dalam mewujudkan iklim sekolah yang baik dan komitmen guru yang tinggi terhadap tugasnya maka kerjasama semua pihak terutama golongan yang terlibat secara langsung dalam arena pendidikan sangat diperlukan. Penglibatan semua pihak secara serius akan memastikan proses pendidikan berlangsung dan dapat memberi kesan yang mendalam dalam pembentukan sahsiah pelajar. Ini bertepatan sekali dengan proses pendidikan seumur hidup. Perkara ini telah dinyatakan oleh Kidd (1973), beliau mengatakan bahawa pendidikan ialah perkembangan dan penyuburan fikiran dan kuasa-kuasa semulajadi yang sistematik. Perkara ini bermula ketika di peringkat prasekolah berterusan di peringkat sekolah dan seterusnya berlangsung seumur hidup.

Pada masa yang sama anjakan paradigma telah menyebabkan manusia mula berfikir berasaskan kepada kepentingan secara menyeluruh. Perubahan demi perubahan telah berlaku dalam semua aspek kehidupan demi mencapai suatu yang membanggakan. Perkara yang sama juga berlaku di dalam sektor pendidikan, terutamanya apabila semua pihak mula mengambil tindakan demi memartabatkan dan meninggikan lagi taraf pendidikan terutamanya di negara kita yang tercinta ini. Antara perkara yang diambil berat ialah tentang iklim sekolah.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa iklim sesebuah sekolah mampu melahirkan satu generasi yang cemerlang. Oleh kerana itu semua pihak perlu memberi komitmen yang sepenuhnya bagi meningkatkan tahap kecemerlangan pelajaran. Justeru itu reformasi pelajaran bergerak begitu pantas apabila Kementerian Pelajaran Malaysia sedang mengadakan berbagai-bagai perubahan yang perlu untuk membangunkan diri pelajar secara menyeluruh seperti

memperkenalkan penggunaan komputer sejajar dengan zaman ledakan maklumat, menubuhkan sekolah Bestari dan sebagainya. Ini adalah kerana sistem pendidikan merupakan wadah utama untuk mengubah pemikiran dan sahsiah pelajar dan menjadi alat terpenting untuk menjayakan pembangunan negara.

Bagi mencapai tujuan tersebut, keperluan untuk menjadikan sesebuah sekolah itu sebagai sebuah sekolah yang berjaya adalah diperlukan. Sesebuah sekolah itu dikatakan berjaya sekiranya mencapai prestasi yang baik di dalam akademik, iklim sekolah yang merangsangkan pengajaran dan pembelajaran, komitmen di kalangan guru, ibubapa, waris dan seluruh masyarakat malahan kepada gaya kepemimpinan pihak pengurusan sekolah tersebut.

Justeru itu, fungsi utama sesebuah sekolah ialah menyediakan pelajaran serta menggalakkan perkembangan peribadi murid-murid. Di akhir-akhir ini terdapat banyak rungutan bahawa sekolah telah gagal di dalam fungsi asas ini. Holt (1964, 1967 dan 1970), telah membicarakan bagaimana pengalaman di sekolah tidak menggalakkan proses pembelajaran. Dalam kata lain Holt meragui sama ada persekitaran ataupun keadaan di sekolah yang menyebabkan sekolah itu gagal mencapai matlamat asasnya.

Oleh kerana itu iklim sekolah yang berkesan seharusnya diwujudkan di setiap sekolah bagi memastikan produk yang dihasilkan adalah benar-benar berkualiti. Sementara itu untuk memastikan produk yang dihasilkan adalah berkualiti maka setiap peringkat mestilah bergandingan bahu dalam merealisasikan matlamat yang dirancang secara bersama. Bermula daripada dasar-dasar pendidikan, kepimpinan pengetua, kerjasama guru-guru sehinggalah kepada kesediaan para pelajar. Kesemua aspek tersebut seharusnya ditetapkan matlamat dan peranan masing-masing sehinggalah setiap bahagian

tersebut mampu bergerak dan menghasilkan sesuatu yang bermakna dalam dunia pendidikan.

Akhirnya, sekolah yang berjaya dan berkesan bukanlah impian yang tidak boleh menjadi kenyataan, malahan ia adalah sesuatu yang mampu dicapai sekiranya mempunyai komitmen yang tinggi dari semua pihak yang terlibat.

1.2 **Penyataan Masalah**

Kenyataan yang wujud di Malaysia pada hari ini menunjukkan, institusi sekolah benar-benar tercabar oleh tuntutan masyarakat yang sentiasa mengharapkan keberkesanan peranan para pengurus pendidikan. Guru sebagai wahana implimentasi Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Falsafah Pelajaran Negara turut menerima implikasi langsung harapan unggul ibu bapa ini. Usaha membina imej sekolah seperti yang diharapkan masyarakat menjadi bebanan tanggung jawab yang terpaksa dipikul para guru demi memartabatkan keunggulan profesyen ini (Shukri Zain *et al.*, 2004).

Media massa pula secara tidak langsung telah memberi fokus yang terlalu meluas terhadap isu-isu yang berkaitan masalah tingkah laku guru yang dianggap berlebihan dalam menangani disiplin atau menguruskan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Akibatnya, sekolah telah menjadi perhatian semua pihak sebagai institusi yang dipertanggungjawabkan dengan 1001 peranan pemupukan dan pengembangan aspirasi pendidikan negara.

Terlalu banyak harapan yang diberikan hingga meletakkan sekolah dalam dilema, antara memastikan kecemerlangan akademik dan pembentukan insan seimbang atau mengejar kedua-duanya dengan segala pendekatan pedagogi, walaupun terpaksa berhadapan pula dengan persekitaran sosial di luar sekolah yang gawat (Shukri Zain *et al.*, 2004).

Justeru itu, melalui peredaran masa, profesion perguruan kini menghadapi keadaan yang agak membimbangkan. Salah satu masalah yang sering ditimbulkan dalam pendidikan ialah kemerosotan sistem persekolahan dan kemerosotan status guru (Tajul Ariffin Nordin, 1993). Dewasa ini terdapat tanda kucar-kacir di sekolah berpunca daripada ramai guru yang telah kehilangan minat untuk mengajar. Walaupun guru-guru tersebut mempunyai ilmu dan pengalaman lengkap dalam teori-teori pengajaran, ramai daripada mereka telah mengabaikan tanggungjawab mereka. Ramai guru yang tidak mengendahkan disiplin bekerja dan ada yang menggunakan masa sekolah untuk melakukan aktiviti peribadi. Kehilangan minat dan komitmen terhadap kerja merupakan gambaran sebenar keadaan sebahagian daripada warga guru di sekolah-sekolah (Dworkin, 1994). Cox dan Brockley (1984) menyatakan ramai guru masa kini mengalami tekanan yang lebih serius dibandingkan dengan rakan-rakan terdahulu.

Antara faktor yang mendorong kepada kemerosotan semangat guru ini adalah kemudahan asas yang tidak ada atau tidak mencukupi (KPPK, 2001). Faktor-faktor lain ialah pilih kasih di kalangan pengetua dan sikap tidak peduli di kalangan Pegawai Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri (Azman Anuar, 1995).

Sumber dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pelajaran (EPRD), 1996 menunjukkan jumlah guru yang memilih untuk bersara awal adalah agak besar (Faridah Karim & Zubaidah Aman, 1998). Mungkin jumlah ini akan meningkat jika pilihan bersara awal ini tidak dibekukan. Bagi mereka yang tidak berpeluang menukar profesion atau bersara awal kerana terikat dengan perjanjian, atau ada pinjaman yang perlu dibayar atau susah untuk mendapat pekerjaan lain, terpaksa terus menjadi guru walaupun ramai

sudah tidak ada minat kerana tidak ada jalan keluar (Jeter, 1997). Kebanyakan guru yang bersara awal ini adalah guru-guru yang rajin, cekap, dinamik dan berpengalaman (Azman Anuar, 1995).

Laporan KPPK melalui bancian yang dibuat baru-baru ini mendapati masalah kesesakan bilik-bilik darjah di sekolah menengah dan rendah berlaku di seluruh Negara (Buletin Guru Malaysia, Oktober 2000). Jumlah pelajar berbanding purata saiz bilik darjah melebihi Anggaran Belanja Mengurus (Perjawatan) tahun 2000. Terdapat kelas-kelas yang melebihi 35 orang pelajar terutamanya di kawasan bandar. Purata sepatutnya bagi setiap kelas di sekolah menengah ialah 34.5 orang pelajar. Ia meliputi 42.02 peratus sekolah-sekolah menengah di seluruh Negara. Pertambahan ini disebabkan kebanyakan sekolah di luar bandar menghadapi kekurangan bilik darjah yang serius. Keadaan ini diburukkan lagi apabila terdapat kira-kira 3,371 kelas sekolah menengah yang terpaksa menampung 40 orang pelajar bagi setiap kelas. Ini membayangkan kepada kita bahawa hampir separuh sekolah-sekolah di negara kita berada dalam keadaan yang tidak kondusif terutamanya sekolah-sekolah yang terletak di bandar. Pelajar-pelajar terpaksa belajar dalam dua sesi iaitu pagi dan petang. Guru-guru pula terpaksa berkongsi meja di bilik guru dan peralatan sekolah yang lain.

Menyedari hakikat pentingnya kemudahan-kemudahan fizikal dan tingkah laku pengetua dalam menentukan iklim yang positif dan hala tuju sekolah, memotivasi serta meningkatkan prestasi kerja guru, kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang besar dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 – 2000). Peruntukan sebanyak RM2447.9 juta adalah untuk sekolah menengah sementara RM 458.8 juta pula dikhaskan untuk pendidikan guru. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), peruntukan pendidikan

menengah telah ditambah menjadi RM 486.2 juta (RMK-8). Peningkatan ini menunjukkan kerajaan sentiasa memberi keutamaan dalam memajukan bidang pendidikan.

Kekurangan kemudahan fizikal ini diperburukkan lagi dengan gaya kepimpinan pengetua yang pelbagai. Dalam mengurus sekolah, pengetua yang mementingkan tugas sebagai pentadbir dengan memberi keutamaan kepada kesempurnaan tugas masih dianggap sebagai pengetua yang dedikasi. Justeru ada pengetua yang bersifat autokratik. Pandangan dan pendapat guru tidak diberi pertimbangan yang sewajarnya dan komunikasi dua hala tidak pernah berlaku.

Abu Bakar Hameed (1999) memetik pendapat Blumberg dan Pringle (1982) yang menyatakan daya usaha pekerja bergantung kepada sejauh mana tingkat motivasi yang ditawarkan oleh pihak pengurusan. Daya usaha kerja merupakan salah satu penentu prestasi individu di samping ciri-ciri individu dan sokongan daripada organisasi. Kebolehan pengurus membentuk suasana kerja yang positif bersesuaian dengan keperluan dan matlamat individu adalah kunci motivasi pekerja. Bagi memastikan motivasi kerja wujud secara berterusan, pemimpin perlulah memahami gelagat pekerjaanya dan peka pada persekitaran kerja. Menurut Abu Bakar Hamed lagi (1999), satu daripada tanda-tanda menunjukkan wujudnya motivasi dalam pekerjaan adalah para pekerja memaparkan prestasi yang memuaskan. Sementara itu salah satu daripada tanda kekurangan motivasi ialah para pekerja menunjukkan kualiti dan prestasi kerja yang rendah, tidak menunjukkan minat terhadap pekerjaan serta membuat kerja secara sambil lewa.

Untuk mendapat iklim sekolah seperti yang dinyatakan di atas semua pihak seharusnya mengembeling tenaga untuk mencapai matlamat yang satu.

Wan Zahid bin Mohd. Nordin (1993) berpendapat bahawa untuk membentuk persekitaran kerja yang baik guru-guru sendiri perlulah sentiasa memperbaiki kemahiran mereka. Perkembangan kerjaya pastinya akan mengubah pandangan guru sendiri mengenai profesion mereka seperti melalui kursus, seminar dan bengkel. Selain daripada itu perkembangan kerjaya memberi pengetahuan kepada guru-guru untuk mencari jalan yang sesuai memperbaiki keadaan persekitaran mereka. Begitu juga untuk mewujudkan budaya penyayang di sekolah akan menjadi sukar jika struktur organisasi ditunjangi prinsip hierarki yang tradisional dan autokratik. (Sinaran Guru, Mac 2000)

Berdasarkan maklumat di atas, penyelidik merasakan perlu untuk melihat iklim sesebuah sekolah dan sejauh manakah ia mempunyai hubung kait dengan prestasi kerja di kalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Gabungan Kota Belud, Sabah.

1.3 Objektif Kajian.

Objektif kajian ini ialah:

- i. Untuk mengenal pasti tahap komponen iklim sosial sekolah di sekolah-sekolah menengah di daerah Gabungan Kota Belud, Sabah.
- ii. Untuk mengenal pasti tahap komponen iklim budaya ilmu pengetahuan sekolah di sekolah-sekolah menengah di Daerah Gabungan Kota Belud, Sabah.
- iii. Untuk mengenal pasti tahap komponen iklim komunikasi sekolah di sekolah-sekolah menengah di daerah Gabungan Kota Belud, Sabah.
- iv. Untuk mengenal pasti tahap komponen iklim fizikal sekolah di sekolah-sekolah menengah di daerah Gabungan Kota Belud, Sabah.

- v. Untuk mengenal pasti hubungan keempat-empat komponen iklim sekolah dengan prestasi kerja guru di daerah Gabungan Kota Belud, Sabah.

1.4 Persoalan Kajian

Iklim sekolah merupakan elemen penting dalam membentuk sebuah sekolah yang berwatak. Dalam membentuk sebuah sekolah yang berwatak pula memerlukan satu kerjasama yang erat dari semua pihak. Kerjasama ini mestilah diterjemahkan pada setiap peringkat sama ada di peringkat yang paling tinggi mahupun di peringkat bawahan dalam memastikan kejayaan dan tercapainya segala objektif yang digarap. Perlu dijelaskan bahawa kejayaan ini sangat bergantung kepada kreativiti dan kesungguhan serta peranan pucuk pimpinan sekolah iaitu pengetua. Bertitik tolak dari sinilah maka segala perancangan dalam membina satu iklim sekolah yang baik dapat dijalankan dan seterusnya mencari alternatif yang sepatutnya dalam mencapai cita-cita tersebut.

Justeru, memahami akan kepentingan tersebut, pengkaji merasakan wajar dan perlu dilakukan suatu kajian untuk melihat perkaitan antara iklim sekolah dan kaitannya dengan komitmen bekerja di kalangan guru.

Oleh itu persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah tahap iklim sekolah bagi komponen sosial di sekolah-sekolah menengah di daerah Gabungan Kota Belud?
- ii. Apakah tahap iklim sekolah bagi komponen budaya ilmu pengetahuan di sekolah-sekolah menengah di daerah Gabungan Kota Belud?
- iii. Apakah tahap iklim sekolah bagi komponen komunikasi di sekolah-sekolah menengah di daerah Gabungan Kota Belud?
- iv. Apakah tahap iklim sekolah bagi komponen fizikal di sekolah-sekolah menengah di daerah Gabungan Kota Belud?